

RANG UNDANG-UNDANG HAK PENGUNDI



ANDA MEMPUNYAI HAK-HAK BERIKUT

- Hak untuk mengundi jika anda seorang pengundi berdaftar.** Anda layak untuk mengundi jika anda:
 - ★ seorang warganegara Amerika Syarikat yang menetap di California
 - ★ berumur sekurang-kurangnya 18 tahun
 - ★ berdaftar di tempat anda menetap sekarang
 - ★ bukan seorang yang sedang menjalani hukuman penjara di peringkat negeri atau persekutuan akibat sabitan jenayah berat dan
 - ★ bukan seorang yang telah didapati tidak waras dari segi mental untuk mengundi oleh mahkamah
- Hak untuk mengundi jika anda seorang pengundi berdaftar, walaupun nama anda tidak terdapat dalam senarai.**

Anda akan mengundi menggunakan kertas undi sementara. Undi anda akan dikira sekiranya pegawai pilihan raya mengesahkan bahawa anda layak mengundi.
- Hak untuk mengundi jika anda masih beratur ketika pusat mengundi ditutup.**
- Hak untuk membuang undi secara rahsia** tanpa sebarang gangguan atau pengaruh daripada mana-mana pihak.
- Hak untuk mendapatkan kertas undi baharu jika anda telah membuat kesilapan,** dengan syarat anda belum membuang undi. Anda boleh: **Minta pegawai pilihan raya yang berada di tempat mengundi untuk memberi** kertas undi baharu, **Menukar kertas undi pos anda dengan** yang baharu di pejabat pilihan raya atau di pusat mengundi, atau **Mengundi menggunakan kertas undi sementara.**
- Hak untuk mendapatkan bantuan ketika mengundi** daripada sesiapa sahaja yang anda kehendaki, kecuali majikan atau wakil kesatuan sekerja.
- Hak untuk menghantar kertas undi pos yang telah lengkap di mana-mana pusat mengundi** di California.
- Hak untuk memperoleh bahan pilihan raya dalam bahasa selain Bahasa Inggeris** sekiranya terdapat cukup ramai penduduk di kawasan mengundi anda yang bertutur dalam bahasa tersebut.
- Hak untuk mengemukakan soalan kepada pegawai pilihan raya mengenai tatacara pilihan raya** dan memerhati proses pilihan raya. Jika pegawai yang anda tanyakan tidak dapat menjawab soalan anda, mereka mesti merujuk anda kepada pihak berkenaan untuk mendapatkan jawapan. Jika anda mengganggu ketenteraman, mereka boleh berhenti menjawab anda.
- Hak untuk melaporkan sebarang aktiviti pilihan raya yang menyalahi undang-undang atau bersifat penipuan** kepada pegawai pilihan raya atau pejabat Setiausaha Negeri.

MAKLUMAN KHAS

- Pusat mengundi dibuka dari jam 7.00 pagi hingga 8.00 malam pada tarikh yang dinyatakan dalam Panduan Maklumat Pengundi daerah yang telah disiarkan.
- Arahan khusus mengenai cara mengundi, termasuk cara membuang undi sementara boleh diperoleh daripada petugas pusat mengundi atau dengan membaca maklumat yang dihantar kepada anda oleh pegawai pilihan raya tempatan.
- Jika anda seorang pengundi yang baru berdaftar, anda mungkin perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah atau yang lain mengikut undang-undang persekutuan. Namun sila maklum bahawa setiap individu berhak untuk membuang undi sementara tanpa mengemukakan dokumen tersebut.
- Adalah menyalahi undang-undang untuk mengaku anda layak mengundi tanpa memenuhi semua syarat di bawah undang-undang persekutuan dan negeri.
- Adalah menyalahi undang-undang untuk merosakkan, mengubah tanpa kebenaran atau menjejaskan peralatan mengundi.

Jika anda percaya bahawa mana-mana hak ini telah dinafikan, sila hubungi Talian Hotline Pengundi sulit tanpa tol Setiausaha Negeri di (800) 345-VOTE (8683).

 Di laman web www.sos.ca.gov

 Melalui telefon di **(800) 345-VOTE (8683)**

 Melalui e-mel di elections@sos.ca.gov